

Elly akan kemuka aduan kepada Jawatankuasa Disiplin parti

UM 15 SEP 2002

KUALA LUMPUR 14 Sept. — Bekas Exco Puteri UMNO, Elly @ Zalilah Yusof akan mengemukakan aduan mengenai dakwaan penyelewengan harta dan dana pergerakan itu kepada Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin UMNO selewat-lewatnya Selasa ini.

Menurutnya, tindakan itu bagi menyahut saranan Presiden parti, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya sebarang aduan mengenai dakwaan salah laku atau penyelewengan dikemukakan kepada jawatankuasa berkenaan.

“Sebagai orang baru (dalam parti), kita tak tahu kepada siapa hendak pergi (mengadu). Kita

ingatkan kalau isu penyelewengan adalah jenayah dan mesti dilaporkan kepada polis.

“Dengan adanya kenyataan Presiden ini, saya sendiri akan hantar laporan kepada Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Dr. Mahathir semalam bahawa parti boleh menjalankan siasatannya sendiri walaupun laporan polis mengenai dakwaan penyelewengan dalam Puteri telah dibuat.

Perdana Menteri juga menegaskan, mengikut tradisi UMNO, laporan hanya dibuat kepada Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin, bukannya kepada polis.

Laporan polis terhadap Ketua Penaja Puteri, Azalina Othman Said dibuat oleh Zalilah di Balai Polis Brickfields di sini, kelmarin.

Dalam laporannya Zalilah mendakwa berlaku penyelewengan harta yang dimiliki Puteri apabila empat buah van milik pergerakan itu didaftar atas nama orang perseorangan yang mempunyai kaitan dengan Azalina.

Azalina dalam kenyataannya semalam, menasihati semua ahli Puteri supaya bertenang dan tidak terpengaruh dengan pelbagai tuduhan yang dilemparkan terhadap kepimpinan pergerakan itu.

Beliau memberi jaminan baha-

wa segala urusan pentadbiran Puteri diurus dengan baik dan teratur lalu meminta ahli supaya tidak terkeliru dengan dakwah tidak berasas yang dibuat melalui laporan polis dan kenyataan akhbar.

Mengulas kenyataan Azalina, Zalilah meminta Ketua Penaja Puteri itu supaya menjawab segala tuduhan secara profesional dan jangan cuba mengalih tumpuan kepada isu lain yang tidak berkaitan.

“Persoalannya sekarang kenapa van milik Puteri didaftar atas nama individu tertentu yang tidak ada kaitan dengan pergerakan ini,” soalnya.